



# BULETIN KKMKG

e-ISSN 2716-5639

BULAN MEI 2020

## NORMA BAHARU DI TEMPAT KERJA

1 MEI 2020

### SELAMAT HARI PEKERJA

PEKERJA DAN CABARAN  
BUDAYA NORMA BAHARU





**SIDANG REDAKSI**

**PENASIHAT**

*NOR DALILA BINTI ABD RAHMAN*

Pengarah

Kolej Komuniti Mas Gading

**KETUA PENGARANG**

*IZAWATI BINTI ENI*

Pegawai Penerangan

Unit Perhubungan Awam, Kolej Komuniti Mas Gading

**FOTO & BAHAN**

*MOHD SAIFUL FADLI BIIN MAIDEN*

*KAMELIA KAMEL*

**PENGEDARAN**

*MENO PATRICK BAI*

*MONICA CONNIE WILLIAM MIRROT*

## SELAMAT HARI PEKERJA

Seperti biasa setiap tahun pada 1 Mei merupakan sambutan Hari Pekerja di seluruh dunia. Pada tahun 2020 ini, cabaran bagi semua sektor pekerjaan ialah untuk menangani situasi pandemik COVID – 19 yang sedang melanda.

Tidak terkecuali dalam sektor pendidikan seperti institusi pengajian tinggi. Bagi Kolej Komuniti Mas Gading, cabaran yang paling utama ialah untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kerana bidang pengajian TVET (teknikal dan vokasional). Seperti yang diketahui bidang TVET merupakan pengajian yang berbentuk kemahiran teknikal secara *hands-on*, maka kaedah pembelajaran secara atas talian adalah kurang sesuai.

Oleh yang demikian, selaras dengan pelancaran norma baharu budaya kerja perkhidmatan awam, sektor pendidikan juga mula dibuka pada 4 Mei 2020. Kolej Komuniti Mas Gading juga mula dibuka mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

### NORMA BAHARU BUDAYA KERJA PERKHIDMATAN AWAM

YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pembukaan sektor-sektor ekonomi termasuk sektor awam bermula 4 Mei 2020.

Oleh yang demikian, Ketua-ketua Jabatan perlu mengambil langkah-langkah yang proaktif dan efektif bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang terbaik kepada rakyat dengan mengambil berat tentang keselamatan dan kebajikan penjawat awam sepertimana yang digariskan di dalam SOP. Antaranya:

- Keberadaan di pejabat kepada pegawai yang perlu;
- Penggiliran pekerja selain melaksanakan waktu anjal terutamanya bagi mereka yang mempunyai kesulitan bagi penjagaan anak-anak di rumah;
- Mesyuarat digalakkan diadakan secara maya melalui medium yang selamat dan terjamin dari segi kerahsiaan.

JPA akan mengeluarkan garis panduan dalam masa terdekat.

#PerintahKawalanPergerakanBersyarat dan semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa mestilah dipatuhi. Elemen protokol kesihatan dan keselamatan di pejabat perlu mematuhi #PenjarakanSosial serta arahan dari semasa ke semasa KKM dan MKN.

**DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI**  
Ketua Setiausaha Negara  
2 Mei 2020



Warga Kolej Komuniti Mas Gading mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada

**YBhg. Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak**

atas pelantikan sebagai

**Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi,  
Kementerian Pengajian Tinggi**

# BUSINESS OPPORTUNITY THROUGH SOCIAL MEDIA COMPETITION

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bersama dengan Politeknik Metro Johor Bahru telah melancarkan pertandingan Anjuran Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK bersama Politeknik METrO Johor Bahru sempena Perintah Kawalan Pergerakan.

Antara kategori pertandingan ialah BOSMeC Icon, Top Sales Award, Best Campaign, Best Media, Most Liked Video, Most Shared Video, dan Most Liked CEDev. Tarikh penghantaran video penyertaan ialah 13 Mei hingga 15 Mei 2020 manakala tempoh pertandingan berlangsung ialah dari 18 Mei hingga 30 Jun 2020.

Penyertaan dibuka kepada semua pelajar Politeknik & Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Penganjuran pertandingan ini adalah untuk penerapan kempen norma baharu dalam aktiviti para pelajar selain memupuk semangat keusahawanan.

**POLITEKNIK** KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI **KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA**

**BUSINESS OPPORTUNITY**  
through **SOCIAL MEDIA COMPETITION**  
13 MEI - 30 JUN 2020 @MC02020

Have an idea or Project?

**NO COVID-19**  
#NYAJAGAHITA  
#NYAMESTIMEAROG

- Videokan promosi produk dan sumbangan perniagaan anda kepada komuniti
- Hadiah keseluruhan bernilai RM5000 untuk dimenangi
- Peruntukan Keusahawanan Institusi
- Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.facebook.com/polyccebosmec](http://www.facebook.com/polyccebosmec)

**CE Dev**

Anjuran Bahagian Ambilan Dan Pembangunan Pelajar, JPPKK dan Politeknik METrO Johor Bahru

## 16 TAHUN BERKHIDMAT DI KOLEJ KOMUNITI MAS GADING

Tanggal 15 Mei 2020 merupakan hari terakhir perkhidmatan Cik Suharyati Sulaiman berkhidmat di Kolej Komuniti Mas Gading setelah 16 tahun. Beliau ditukarkan ke Kolej Komuniti Kuching dan akan menjalankan tugas sebagai Pengarah Kolej. Antara sumbangan beliau terhadap KKMKG ialah memegang amanah sebagai Timbalan Pengarah Akademik. Beliau juga telah meningkatkan kredibiliti KKMKG melalui penganjuran Kursus Kejurulatihan Futsal AFC dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Sarawak (FAS) yang telah melibatkan peserta-peserta dari luar negara seperti Taiwan dan Indonesia.



**Mengetik kad perakam waktu  
buat kali terakhir di KKMKG**



**Pengarah KKMKG, Puan Nor Dalila binti  
Abd Rahman menyampaikan cende-**



**Kenangan sewaktu Kursus Kejurulatihan  
Futsal AFC pada 2015**

## PROGRAM MYALUMNI TVET-TOURISM SEMBANG SANTAI BERSAMA MYALUMNI POLYCC ZON UTARA

Unit Keusahawanan dan Alumni, Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) buat julung kalinya telah menganjurkan Program Myalumni TVET-Tourism Sembang Santai Bersama MyAlumni PolyCC Zon Utara. Program ini dikendalikan oleh Unit Kolaborasi dan Keusahawanan (Alumni) Langkawi Tourism Academy sebagai tuan rumah. Tema sembang santai ini adalah Membangunkan Industri Pelancongan Pasca COVID-19.

Program sembang santai ini dikendalikan dalam dua (2) sesi iaitu sesi 1 pada jam 10.00 pagi dan sesi 2 pada jam 2.30 petang. Sembang santai juga boleh dilayari secara langsung dalam talian melalui saluran Youtube Langkawi Tourism Academy@Kolej Komuniti Langkawi.

Setiap sesi menentangakan 4 orang panel yang terdiri daripada alumni T-VET Tourism Zon Utara. Tuan Haji Mohd Nor Mazlan Bin Ismail, Timbalan Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK menjadi salah seorang panel bagi sesi 2 dalam program tersebut yang telah berlangsung pada 17 Mei 2020.

Ini merupakan salah satu penerapan norma baharu dalam pelaksanaan aktiviti di institusi pengajian di samping memberi pendedahan dan ilmu kepada orang awam.

**PROGRAM MYALUMNI TVET-TOURISM  
SEMBANG SANTAI BERSAMA  
MYALUMNI POLYCC ZON UTARA**

**Live Streaming  
17 Mei 2020**

TEMA :  
**MEMBANGUNKAN INDUSTRI  
PELANCONGAN PASCA COVID-19**

Saksikan secara langsung di saluran YouTube™  
Langkawi Tourism Academy  
@Kolej Komuniti Langkawi

Dianjurkan oleh:  
Langkawi Tourism Academy  
MyAlumni

**Sesi 1: 10.00 pg**  
Malaysia Kembali Sebagai  
Destinasi Pilihan  
Pelancongan Dunia  
Selepas Pasca Covid-19


**Sesi 2: 2.30 ptg**  
Pendekatan Malaysia Dimata  
Dunia Selepas Bebas Covid-19  
Dalam Meyakinkan Pelancong  
Kembali Melawat Malaysia

Sesi 2 turut disertai oleh:  
**Tuan Haji Mohd Nor Mazlan Bin Ismail**  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

# SUMBANGAN PERSATUAN ALUMNI KOLEJ KOMUNITI MAS GADING



Persatuan Alumni Kolej Komuniti Mas Gading & warga Kolej Komuniti Mas Gading telah menyampaikan sumbangan kepada seorang alumni KKMKG iaitu Nabila Othman Beliau terlantar di hospital setelah mengalami penyakit yang agak serius. Sumbangan telah diserahkan oleh Pegawai Alumni, Puan Kamelia Kamel kepada keluarganya sebagai salah satu usaha untuk meringankan beban keluarga beliau pada 21 Mei 2020.



Puan Kamelia Kamel (kiri) menyerahkan sumbangan kepada keluarga Nabila Othman

### IKLAN KEMASUKAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI MAS GADING



SESI AKADEMIK 2020 /2021

Syarat Minimum: Lulus SPM & Warganegara Malaysia






KEMENTERIAN KESEHATAN MALAYSIA

# Endemik, Epidemik dan Pandemik?

Tiga perkataan ini kerap digunakan untuk menunjukkan betapa seriusnya sesuatu penyakit menular, namun ia membawa maksud yang berbeza.



## Endemik

(En-demik =  
Di dalam – daerah/orang)

Kejadian penyakit yang sentiasa wujud dalam masyarakat atau tempat. Penyakit ini dijangka sentiasa ada kes dan pada kadar yang stabil serta rendah.

### Contoh :

Denggi adalah penyakit endemik di Malaysia.

## Epidemik

(Epi-demik =  
Di kalangan -daerah/orang)

Kejadian penyakit naik mendadak melebihi kadar biasa dan dilihat jelas dalam komuniti dalam tempoh masa tertentu. Ia juga dikenali sebagai 'Wabak'. Sebagai contoh, jangkitan demam kepialu pada 2 kes yang saling berkait di anggap wabak/ epidemik.

### Contoh :

Wabak COVID-19 yang sedang berlaku di beberapa buah negara dan kejadian Polio di Sabah (2019)

## Pandemik

(Pan-demik =  
Semua-daerah/orang)

Kejadian wabak besar-besaran ke seantero dunia

- Merentasi wilayah dan melibatkan populasi yang besar. Kebiasaannya melibatkan jangkitan penyakit baharu (Novel).

Ciri pandemik adalah melibatkan kadar serangan yang tinggi dalam masa yang singkat. Ia melibatkan sebaran yang pantas dan menyebabkan kadar kematian yang tinggi

### Contoh :

Kejadian 'Black Death' diantara kurun ke 14 hingga kurun ke 17 yang melibatkan kematian 2/3 penduduk dunia (Penyakit hawar/Yersinia pestis)



Diterbitkan oleh:  
Unit Perhubungan Awam  
Kolej Komuniti Mas Gading  
Lot 742-750 Of Parent Lot 726  
Bau Town District  
94000 Bau, Sarawak  
Tel: 082-763730  
Faks: 082-763731  
kkmg@kkmas.edu.my  
<http://kkmasgading.mypolycc.edu.my/>

Hak Cipta © Unit Perhubungan Awam, Kolej Komuniti Mas  
Gading

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan  
mana- mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku  
ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada  
secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan cara lain  
sebelum mendapat izin bertulis daripada Unit Perhubungan  
Awam, Kolej Komuniti Mas Gading, Bau Sarawak.

**KOD JALUR / BARCODE**

eISSN 2716-5639

